

# Lelaki miliki syabu dipenjara 10 bulan

**MIRI:** Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 10 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan dari tarikh tangkapan pada 23 April 2025.

Tertuduh, Hii King Lee, 50, dari Jalan Punang, Lawas didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 1.65 gram.

Methamphetamine merupakan satu item yang terkandung dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 1 petang, 23 April 2025 di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Miri, Jalan Miri-Pujut di sini.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Ashok Linggam manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.